



**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

PEKELILING KETUA EKSEKUTIF BILANGAN 2 TAHUN 2026

**PELAKSANAAN DASAR PENGAGIHAN PERUNTUKAN BERDASARKAN
PRESTASI (*PERFORMANCE BASED BUDGETING*) SEBAGAI SEBAHAGIAN
DARIPADA KRITERIA AGIHAN DANA SYARAT ASAS KEMUDAHAN PINJAMAN
PTPK BAGI TAHUN 2026**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan berhubung pelaksanaan **Pelaksanaan Dasar Pengagihan Peruntukan Berdasarkan Prestasi (*Performance Based Budgeting*) Sebagai Sebahagian Daripada Kriteria Agihan Dana Syarat Asas Kemudahan Pinjaman PTPK Bagi Tahun 2026.**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pengagihan PTPK Bilangan 14 Tahun 2025 telah memutuskan kriteria pengagihan dana kepada Penyedia Latihan adalah berdasarkan kepada kategori program, prestasi bayaran balik pinjaman latihan kemahiran dan laporan prestasi penarafan tunggal yang mana kriteria ini akan menentukan syarat asas kemudahan pembiayaan yang akan diterima oleh seseorang pelatih daripada PTPK.
- 2.2 Sebagai persediaan awal kepada semua Penyedia Latihan (PL), penetapan penarafan tunggal juga telah dimaklumkan kepada PL semasa siri jelajah sesi dialog bersama PL yang telah diadakan bermula pada 29 Julai 2024.

- 2.3 Di bawah kriteria prestasi penarafan tunggal menetapkan bahawa program latihan yang dijalankan hendaklah memenuhi penarafan sekurang-kurangnya tiga (3) bintang dan ke atas.
- 2.4 Beberapa siri mesyuarat telah diadakan antara Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dengan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran berhubung penyelarasan menggunakan pakai laporan penarafan tunggal tahun 2025 yang telah selesai dijalankan.
- 2.5 Antara isu yang telah dikenalpasti adalah majoriti daripada maklumat penarafan tunggal yang dipaparkan adalah sifar atau tiada maklumat dipaparkan yang mana maklumat ini sukar ditentukan program dengan paparan sifar ini sama ada Penyedia Latihan enggan dinilai atau program masih belum memenuhi syarat untuk dinilai.
- 2.6 Penangguhan sementara menggunakan kriteria penarafan tunggal sebagai salah satu kriteria agihan dana tahun 2026 dimaklumkan sehingga 31 Mac 2026 dan akan diteruskan bermula 1 April 2026.
- 2.7 Oleh yang demikian, perincian kepada kriteria dalam penentuan kapasiti dan agihan dana kepada PL telah dibangunkan bagi memudahkan pemahaman serta tindakan PTPK dalam penentuan kapasiti dan agihan dana kepada PL seterusnya mendapatkan kemudahan pinjaman kepada pelatih.

3. PELAKSANAAN KAPASITI BERDASARKAN PRESTASI PENARAFAN TUNGGAL

- 3.1 Mulai 1 April 2026, kriteria agihan dana berdasarkan prestasi penarafan tunggal akan dilaksanakan sebagai salah satu kriteria agihan dana bagi tahun 2026 untuk pengambilan pelatih **Sesi 2 hingga Sesi 4**, yang akan dibuka mengikut tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.
- 3.2 Prestasi penarafan tunggal yang diambil kira melibatkan penilaian bagi tempoh **tiga (3) tahun, iaitu pada tahun 2023, 2024 dan 2025**. Keutamaan akan diberikan kepada prestasi penarafan tunggal bagi tahun terkini.
- 3.3 Bagi program latihan kemahiran yang diluluskan secara **Persijilan Tahap Tunggal (single tier) yang baharu**, penentuan penarafan tunggal adalah berdasarkan keputusan tahap kemahiran tertinggi.

- 3.4 Bagi program latihan kemahiran yang dilaksanakan secara **Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)**, kapasiti berdasarkan kepada dasar pembiayaan pelatih sedia ada.
- 3.5 Kapasiti bagi **program modular akan menggunakan prestasi penarafan tunggal dengan merujuk kepada kod induk program.**
- 3.6 Bagi program latihan kemahiran yang memperoleh **penarafan tunggal tiga (3) bintang dan ke atas, kapasiti penuh akan diberikan sebagaimana yang diluluskan oleh JPK.**
- 3.7 Walau bagaimanapun, bagi program yang tidak mempunyai maklumat penilaian, penetapan kapasiti adalah berdasarkan kategori seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1 : Jumlah kapasiti yang diluluskan PTPK Bagi Program Latihan Kemahiran TVET Mengikut Prestasi Penarafan Tunggal

Bil.	Kategori Program Mengikut Prestasi Penarafan Tunggal	Bilangan Kapasiti Yang Diluluskan
1.	Penarafan Tunggal 3 hingga 5 Bintang	Berdasarkan kapasiti yang diluluskan oleh JPK
2.	Penarafan Tunggal 1 dan 2 Bintang	Tiada kapasiti
Tiada maklumat Penilaian Penarafan Tunggal		
3.	Kategori (i) a. Program latihan baharu yang telah ditauliahkan oleh JPK serta penyedia latihan baharu yang telah diluluskan pendaftarannya oleh JPK; atau b. Program latihan yang menggunakan kod NOSS baharu tanpa rekod NOSS terdahulu di PTPK.	Maksimum kapasiti 25 ^[a]
4.	Kategori (ii) Program latihan yang menggunakan kod NOSS baharu yang mempunyai rekod Penarafan Tunggal tiga (3) hingga lima (5) bintang bagi kod NOSS terdahulu untuk tahun 2023, 2024 atau 2025 (kod NOSS	Berdasarkan kapasiti yang diluluskan oleh JPK

Bil.	Kategori Program Mengikut Prestasi Penarafan Tunggal	Bilangan Kapasiti Yang Diluluskan
	baharu berbeza dengan kod NOSS terdahulu)	
5.	Kategori (iii) Program latihan yang mematuhi COPTPA dan belum layak dinilai bagi penarafan tunggal, tetapi telah mempunyai penarafan tunggal berdasarkan penilaian KAPPK.	a. Penarafan tiga (3) bintang dan ke atas – menggunakan kapasiti yang diluluskan oleh JPK seperti program COPTPA. b. Penarafan dua (2) bintang dan ke bawah – tiada kapasiti ^[b]
6.	Kategori (iv) Program latihan yang tidak mempunyai rekod penilaian prestasi bagi tahun 2023, 2024 atau 2025.	Tiada kapasiti

Nota :

^[a] Pertambahan kapasiti akan dipertimbangkan sekiranya mengemukakan jaminan pekerjaan kepada pelatih

^[b] Kapasiti tidak akan dipaparkan dalam sistem

3.8 Dengan berkuat kuasanya kriteria pengagihan dana berdasarkan prestasi (*performance-based budgeting*) yang telah bermula pada Sesi 2, program yang telah diberikan kapasiti melebihi had semasa pada Sesi 1 di bawah kategori tidak layak, akan disekat pengambilan pelatih bagi sesi seterusnya.

3.9 Pemakaian kriteria agihan ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan kriteria pengagihan dana berdasarkan **kategori program serta prestasi bayaran balik pinjaman latihan kemahiran.**

4. TANGGUNGJAWAB

4.1 Semua Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PTPK dikehendaki untuk menyemak bilangan kapasiti bagi program yang telah diluluskan di dalam Sistem Permohonan Pinjaman *Online* PTPK daripada semasa ke semasa sebelum mengemukakan permohonan pinjaman.

- 4.2 Sebarang ketidakselarasan maklumat penarafan tunggal, pihak PL perlu rujuk kepada Bahagian Inspektorat, Jabatan Pembangunan Kemahiran. Pihak PTPK tidak akan bertanggungjawab kepada pembiayaan pelatih yang telah dilatih oleh PL melebihi had kapasiti yang telah ditetapkan.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Ketua Eksekutif ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.


6. PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua **Penyedia Latihan Swasta** sahaja yang berdaftar serta mendapat kelulusan daripada PTPK.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja MADANI Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Tarikh : 21 April 2026